

UPSI/PEND/BG1/597 (01/12)

05 Januari 2012
11 Safar 1433H

SPP UPSI BIL. 1 TAHUN 2012

Semua Dekan
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Y. Bhg. Tan Sri/ Dato'/Prof./Tuan/Puan,

CUTI GANTIAN KAKITANGAN AKADEMIK BERTUGAS MENGAJAR PADA HARI SABTU

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dengan ini dimaklumkan, Mesyuarat Pengurusan Eksekutif Bil. 25/2011 bertarikh 24 November 2011 telah bersetuju supaya kakitangan akademik UPSI dibenarkan memohon cuti gantian kerana bertugas pada hari Sabtu mengikut kaedah pengiraan dua (2) hari Sabtu disetarakan dengan satu (1) hari cuti gantian (tanpa rekod).

3. Bagi maksud di atas, pemohon perlu mengemukakan permohonan Cuti Gantian mengikut peraturan sedia ada di mana perakuan adalah melalui Dekan Fakulti/ Institut Pengajian Siswazah manakala kelulusan hendaklah dipanjangkan ke Bahagian Sumber Manusia untuk diluluskan oleh Pendaftar.

4. Arahan bagi tugas mengajar kuliah pada hari Sabtu hendaklah mengambilkira beban tugas pensyarah berkenaan supaya tidak ada pensyarah yang terbeban dengan kuliah pada hari Sabtu sedangkan kuliah yang berlangsung pada hari biasa kurang, tidak seperti yang sewajarnya (antara 6-12 jam mengikut jawatan).

5. Surat pekeliling pentadbiran ini menambahbaik SPP 3 Tahun 2009 dan SPP 2 Tahun 2010 serta berkuatkuasa dari tarikh surat ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

"KOMITED MEMBAWA PERUBAHAN DALAM PENDIDIKAN"

Yang benar,

(DATO' RUSLEY BIN TAIB)

Pendaftar
Universiti Pendidikan Sultan Idris

s.k Y. Bhg. Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)